

DATE: 08/05/1983



SELAKU Pengerusi Barisan Nasional, Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin parti lain sedang berbual-bual sebelum mesyuarat tertutup Majlis Tertinggi Barisan Nasional bermula di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Barisan Nasional di Bangunan UMNO di Kuala Lumpur semalam.

DR.M GEMBIRA PERSIDANGAN PALESTIN BERJAYA

KUALA LUMPUR 7 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini gembira kerana Sidang Asia mengenai Palestin yang tamat semalam berjaya membawa kata sepakat semua negara termasuk PLO mengenai rancangan bertindak bagi membolehkan Bangsa-Bangsa Bersatu menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

Perdana Menteri berkata, inilah kali pertama cadangan dibuat dan diterima.

"Apa yang dicapai bukan satu resolusi tetapi arahan bagaimana masalah Palestin ini dapat disele-

saikan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu," tegasnya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional dan Perikatan di bangunan UMNO, di sini, pagi tadi.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang pertama kali mengulas selepas hasil persidangan itu berpendapat, "kejayaan ini merupakan satu petanda yang baik di mana kemungkinan mesyuarat yang dicadangkan di Paris nanti tidak akan diadakan."

Katanya, Persidangan Asia mengenai Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur boleh disifatkan sebagai mesyuarat muktamad yang boleh meneruskan usaha ke arah pembebasan rakyat dan negara Palestin.

Persidangan Asia mengenai Palestin yang tamat sehari lebih awal semalam telah mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengambil enam langkah tegas untuk membolehkan penubuhan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat di bumi Palestin.

Ketetapan Kuala Lumpur enam perkara ini diprakui sebulat suara oleh 40 buah negara dan 50 buah pertubuhan di akhir persidangan tersebut.

Antara langkah-langkah tersebut ialah menggesa Majlis Keselamatan itu memastikan Israel mengundurkan diri dalam tempoh yang ditetapkan dari Baitulmuqaddis dan wilayah-wilayah Arab yang diduduki sejak 1967.

Persidangan itu juga menggesa majlis berkenaan mengambil langkah yang berkesan untuk menjamin keselamatan dan hak rakyat yang sah di wilayah-wilayah yang diduduki oleh Israel.

Persidangan Asia mengenai Palestin yang diadakan di sini merupakan siri persidangan yang keempat di mana 300 orang perwakilan telah menghadirinya dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.